


Program Integrasi UMS-UNAND

▶ Kerjasama strategik pembangunan pelajar dua negara

UB 11-7-2019 B2



KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Persatuan Mahasiswa Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (PMFPEP) dengan kerjasama Universiti Andalas (UNAND) sedang menjalankan sebuah program melibatkan pembangunan pelajar dari

kedua-dua universiti iaitu Program Integrasi UMS-UNAND 2019.

Program ini dijalankan bermula 5 Julai hingga 26 Julai 2019 di sekitar Kota Kinabalu.

Terdapat pelbagai aktiviti yang telah dan bakal dijalankan sepanjang program ini kelak antaranya termasuklah lawatan ke Muzium Sabah dan Balai Seni Lukis, Plogging ODEC bersama Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, program bersama Persatuan Autisme Sabah, Program Bahasa Inggeris dan Sains di Sekolah Indonesia Kota Kinabalu dan lain-lain program berbentuk kemasyarakatan serta keusa-

hawan.

Menurut Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, UMS Prof Madya Dr Raman Noordin, program kolaboratif di antara kedua-dua buah universiti bukan sahaja mampu memperkukuh hubungan baik

antara kedua buah universiti dan negara, malah ia mampu memberi nilai tambah dan pengalaman baharu kepada mahasiswa/i dari kedua-dua universiti.

Wakil daripada UNAND yang juga pegawai pengiring program Prof Madya Dr

“Program kolaboratif di antara kedua-dua buah universiti bukan sahaja mampu memperkukuh hubungan baik antara kedua buah universiti dan negara, malah ia mampu memberi nilai tambah dan pengalaman baharu kepada mahasiswa/i dari kedua-dua universiti.”

PROF MADYA DR RAMAN NOORDIN

Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, UMS



SESI ramah mesra UMS-UNAND 2019 bersama Timbalan Dekan HEP FPEP Dr Arif Kamisan Pusiran dan pensyarah pengiring UNAND Prof Madya Dr Masyhuri Hamid.

Masyhuri Hamidi, melihat program integrasi ini bukan sahaja dapat memberi pengetahuan baharu kepada mahasiswa/I UNAND akan negeri Sabah tetapi di dalam

masa yang sama dapat melihat sendiri kehidupan dan kepelbagaian etnik serta kaum di negeri itu.

Semoga lebih banyak jalinan kerjasama di antara

kedua-dua buah universiti dapat dijayakan pada masa hadapan dan mengukuhkan lagi hubungan baik di antara kedua buah universiti dan negara ini.